

Campur tangan kerajaan, peranan kuasa pasaran perkasa persaingan

Oleh Prof Madya Dr Irwan Shah
Zainal Abidin
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan
Pusat Pengajian
Ekonomi,
Kewangan dan
Perbankan,
Universiti Utara
Malaysia

Dalam usaha kerajaan menangani isu kenaikan kos sara hidup, antara strategi tuntas dan komprehensif adalah reformasi struktur pasaran berbentuk monopoli yang wujud sekian lama dalam ekonomi negara.

Namun, membanteras masalah sebegini bukan mudah kerana ia legasi berbentuk struktural. Oleh itu, penyelesaian dan hasilnya juga mengambil masa.

Dalam erti kata lain, ia bukan penyelesaian jangka pendek dan mudah, misalnya dengan hanya mengenal pasti syarikat atau industri mana dan seterusnya pecahkan pasaran ini untuk menjadi kompetitif atau pasaran persaingan sempurna.

Hakikatnya, ada implikasi perlu diambil kira dan kesan sampingan ditangani dalam proses peralihan bentuk pasaran ini. Kita perlu faham setiap pasaran, sama ada monopoli, persaingan sempurna ataupun oligopoli, mempunyai kebaikan dan keburukan.

Kita perlu mengetahui apakah isu sebenar cuba diselesaikan. Misalnya, adakah salah jika sesebuah syarikat mendapat kuasa monopoli akibat kekuatan teknologinya ataupun model perniagaannya berbanding pesaing lain dalam sesuatu industri?

Adakah bentuk halangan termasuk dalam industri berbentuk semula jadi atau ditetapkan kerajaan? Adakah kuasa pasaran atau kepentingan pesaing itu dipersoalkan? Kewujudan monopoli ini juga kadangkala 'amat perlu' jika membabitkan isu keselamatan negara.

Secara umumnya, kepentingan persaingan untuk

meningkatkan kecekapan ekonomi, seterusnya dapat meningkatkan tahap kesejahteraan rakyat secara menyeluruh adalah berdasarkan logik.

Maklumat prook, jadi lebih telus

Apabila tidak ada monopoli, kesejahteraan rakyat akan dicapai kerana pengguna menikmati kualiti barangan dan perkhidmatan lebih baik serta pilihan pelbagai dengan harga lebih murah. Selain itu, maklumat berkenaan produk akan menjadi lebih telus.

Bagi pengeluar dan peniaga pula, keupayaan mengoptimumkan keuntungan dapat ditingkatkan apabila pasaran semakin berkembang akibat firma dan peniaga baharu memasuki pasaran secara bebas tanpa kawalan dan persaingan sihat dijangka berlaku.

Pada 2010, apabila dasar antipersaingan diwujudkan melalui Akta Persaingan 2010 dan dilaksanakan pada 1 Januari 2012, ini permulaan transformasi ekonomi lebih menyeluruh, berstruktur dan holistik. Akta Persaingan 2010 ini juga diwujudkan di negara maju seperti Amerika Syarikat (AS) dan kebanyakan negara di Eropah.

Akta ini bertujuan mengawal kuasa pasaran untuk menggalakkan persaingan sihat dalam pasaran, contohnya mengawal keupayaan firma menentukan harga melebihi harga sepatutnya.

Di rantau ini, negara seperti Singapura, Indonesia, Thailand dan Vietnam juga mempunyai undang-undang *anti-trust* masing-masing.

Pelaksanaan undang-undang ini merangkumi dua aspek penting. Pertama, mengkang aktiviti dilihat sebagai antipersaingan, seperti penetapan harga, rundingan eksklusif dan persetujuan bersama (*tie-in arrangements*).

Aspek kedua, penyalahgunaan kuasa dominan se-

perti penentuan harga predatori (*predatory pricing*), penetapan harga berlebihan (*excessive pricing*) dan diskriminasi harga.

Ini bermakna, monopoli itu sendiri bukan kesalahan jika mengikut akta persaingan, tetapi cara sesebuah syarikat mencapai dan mempertahankan kuasa monopoli dalam pasaran patut dipersoalkan.

Contohnya, sesuatu tindakan firma dikategorikan sebagai antipersaingan apabila ia mendapat kuasa monopoli dalam pasaran dengan meletakkan halangan pasaran untuk firma baharu memasuki pasaran. Begitu juga melakukan 'pertembungan' dengan firma lain dalam membuat keputusan ekonomi penting dalam pasaran.

Ini seperti menetapkan secara bersama harga pasaran atau kuantiti barang patut dikeluarkan dalam pasaran atau proses membida projek tanpa tender terbuka.

Dalam pada itu, jika kuasa pasaran ini diperolehi dengan kemajuan dalam teknologi, peningkatan dalam aktiviti inovasi atau tahap produktiviti ini tidak salah dari perspektif perekonomian undang-undang antipersaingan ini.

Inilah cuba dicapai dalam undang-undang antipersaingan ini. Agensi memantau dan melaksanakan Akta Persaingan 2010 ini ialah Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC).

Maka, usaha kerajaan ketika ini menangani isu monopoli sangat wajar. Namun, pendekatan memperkasakan persaingan bagi meningkatkan kecekapan ekonomi perlu ada keseimbangan antara campur tangan kerajaan dengan peranan kuasa pasaran.

Ia boleh bermula dengan pengukuhan dan penambahbaikan kepada dasar antipersaingan negara melalui pemerkasaan MyCC dan mempercepatkan pindaan Akta Persaingan 2010 itu sendiri.